



KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-13, 2019 PERATURAN PERTANDINGAN SEPAK TAKRAW (LELAKI)

1. PERATURAN AM

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Gabungan **Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF)** yang berkuatkuasa pada ketika ini dan apa yang dipraktikkan oleh Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM)
- 1.2. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.2.1. Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM KEJOHANAN SUKSES 2019**.
 - 1.2.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-undang dan Persatuan Gabungan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF).
- 1.3. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepak Takraw **KEJOHANAN SUKSES 2019** adalah muktamad.

2. TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1. **6hb hingga 10hb Ogos 2019**

3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. **Pusat Sukan UNITEN, Bangi**

4. PENYERTAAN

- 4.1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Daerah di Negeri Selangor. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan Daerah masing-masing.
- 4.2. Setiap Daerah boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki yang terdiri daripada:-

Perkara	Lelaki
Pengurus Pasukan	1
Jurulatih Pasukan	2
Pemain	15
Jumlah	18

- 4.3. Hanya pemain-pemain yang lahir pada tahun 1999 ke atas sahaja yang layak di daftarkan untuk kejohanan sepaktakraw SUKSES 2019.
- 4.4. Hanya warganegara Malaysia yang bermastautin atau bekerja atau belajar di Negeri Selangor sahaja yang layak menyertai SUKSES 2019 ini.
- 4.5. SUKSES ini terbuka kepada pasukan sukan daerah atau pasukan daripada persatuan-persatuan sukan yang bergabung dengan Majlis Sukan Negeri Selangor.
- 4.6. Setiap acara dalam satu jenis sukan tidak akan dijalankan jika disertai oleh kurang dari 5 pasukan/peserta.
- 4.7. Atlet-atlet kebangsaan layak untuk mewakili daerah masing-masing dalam kejohanan SUKSES. Walau bagaimanapun, syarat tersebut adalah berdasarkan peraturan pertandingan sukan seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal sukan-sukan. Kelayakan atlet kebangsaan ini juga adalah tertakluk kepada kelayakan-kelayakan yang termaktub seperti peraturan Sukan Malaysia.
- 4.8. Atlet-atlet yang pernah mewakili negeri lain selain Selangor dalam Kejohanan SUKMA TIDAK DIBENARKAN menyertai kejohanan ini.

5. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 5.1. Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan dijalankan.

Tarikh : **6hb Ogos 2019**
Masa : **9.00 pagi**
Venue : **Pusat Sukan UNITEN, bangi**

- 5.2. Selepas taklimat pengurus , sebarang permohonan / gentian pemain tidak dibenarkan.

6. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN.

6.1. REGU 3 PEMAIN (TRIO).

- 6.1.1. Setiap pasukan terdiri daripada SATU (1) REGU dengan LIMA (5) pemain.

6.2. REGU 2 PEMAIN (DOUBLE).

- 6.2.1. Setiap pasukan terdiri daripada SATU (1) REGU dengan TIGA (3) orang pemain setiap REGU.

6.3. BERPASUKANREGU 3 PEMAIN (TRIO).

- 6.3.1. Setiap Pasukan terdiri daripada TIGA (3) REGU dengan SEMBILAN (9) orang pemain dan TIGA (3) orang pemain simpanan.

7. SISTEM PERTANDINGAN

7.1. Berpasukan Lelaki

7.1.1. Akan dijalankan secara liga

7.1.2. Peringkat ke dua dan seterusnya akan dijalankan secara kalah mati.

7.1.3. Jika kiraan mata diperolehi sama oleh TIGA (3) REGU atau lebih, maka kedudukannya akan ditentukan dengan kaedah berikut:-

- i) Kiraan perbezaan SET daripada jumlah SET menang yang diperolehi oleh REGU berkenaan.
- ii) Kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA (*points*) daripada jumlah Angka-Angka Mata yang diperolehi oleh REGU berkenaan.

7.2. Antara Regu (Trio / Double)

7.2.1. Akan dijalankan secara kalah mati.

8. PAKAIAN

8.1. Semua pemain diwajibkan memakai jersey yang sama warna dan bernombor. Setiap pemain hendaklah mengekalkan nombor jersey sepanjang kejohanan.

8.2. Ketua regu hendaklah memakai '**ARM BAND**'.

8.3. Pegawai-pegawai pasukan hendaklah memakai pakaian yang kemas dan memakai kasut. Selipar dan sandal tidak dibenarkan.

9. MENARIK DIRI

9.1. Regu/Pasukan yang terlewat LIMA BELAS (15) minit daripada masa yang dijadualkan akan dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding, kecuali dengan alasan yang munasabah.

9.2. Menarik diri (*walk-over*) sama sekali tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, Regu/Pasukan yang menarik diri itu tidak dibenarkan menyertai pertandingan seterusnya.

9.3. Keputusan-keputusan pertandingan terdahulu yang melibatkan Pasukan yang menarik diri (SISTEM LIGA) tidak diambil kira.

10. PENGADIL/PENJAGA GARISAN

10.1. Jawatankuasa kejohanan akan menyediakan pengadil yang bertauliah dan panjaga garisan di sepanjang kejohanan.

11. BANTAHAN / RAYUAN

- 11.1. Semua bantahan/ rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh Pengurus Pasukan berkenaan kepada Juri Rayuan tidak lewat dari 30 minit selepas sahaja perlawanan berkenaan tamat.
- 11.2. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan disertakan wang bantahan sebanyak **RM 500.00 tunai**.
- 11.3. Wang bantahan tidak akan dikembalikan samada rayuan berjaya atau tidak. Wang tersebut akan digunakan sebagai kos pentadbiran untuk proses rayuan

12. JURI RAYUAN

- 12.1. Juri Rayuan akan dianggotai oleh:-
 - i. Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan atau wakil.
 - ii. Setiausaha Jawatankuasa Kejohanan atau wakil
 - iii. Pengerusi Pengadil
 - iv. 2 orang Pengurus Pasukan berkecuali..
- 12.2. Juri Rayuan akan mengadakan mesyuarat dalam masa 30 minit selepas sahaja menerima bantahan/ rayuan.
- 12.3. Keputusan mesyuarat akan diumumkan oleh Pengerusi Juri Rayuan sebaik sahaja keputusan dicapai.
- 12.4. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Juri Rayuan adalah muktamad.

14. HADIAH-HADIAH

- 14.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut :

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA
1.	Regu3 Pemain(Trio)	1(5)	1(5)	2(10)
2.	Regu 2 Pemain (Double)	1(3)	1(3)	2(6)
3.	Berpasukan Regu 3 Pemain(Trio)	1(15)	1(15)	2(15)
JUMLAH KESELURUHAN		3 (24)	3 (24)	6 (48)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

(Pengurusan Acara : KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) ke-13, 2019)